

**Notice Data Peribadi**  
**TAHPS Group Berhad (37-K) dan Syarikat-Syarikat Kumpulan**

**Pengumpulan Data Peribadi**

Selaras dengan pengenalan Akta Data Perlindungan Data Peribadi 2010, TAHPS Group Berhad (37-K) dan kumpulan Syarikat-Syarikatnya (“**TAHPS**”) bertekad untuk mematuhi secara tegas kepada prinsip-prinsip Akta Data Perlindungan Data Peribadi 2010 dengan memberikan sesalinan notis ini kepada pelanggan-pelanggan dan/atau bakal pelanggan-pelanggan yang dihormati untuk tujuan pemahaman.

TAHPS berkemungkinan akan meminta data peribadi anda dari semasa ke semasa dalam memastikan bahawa apa-apa maklumat terkini yang relevan seperti notis-notis, surat berita, pelancaran produk/servis, perubahan pentadbiran, hubungan pelanggan dan/atau apa-apa maklumat lain yang kami menganggap relevan.

**Syarikat-Syarikat Dalam TAHPS Group Berhad (37-K)**

Syarikat-Syarikat dalam Kumpulan **TAHPS** adalah seperti berikut:-

- (a) Bukit Hitam Development Sdn Bhd (203394-W);
- (b) The Ayer Hitam Development Sdn Bhd (83880-A);
- (c) Cendana Maju Construction Sdn Bhd (507624-A);
- (d) BBP Management Services Sdn Bhd (735463-P);
- (e) Ayer Hitam Resorts Sdn Bhd (752188-K);
- (f) Yee Seng Plantations Sdn Bhd (6587-P); dan/atau
- (g) Mana-mana syarikat yang didaftarkan kini dan/atau pada masa hadapan sebagai Syarikat Kumpulan dan/atau sebahagian daripada mana-mana syarikat kumpulan TAHPS Group Berhad (37-K).

**Jenis Data Peribadi yang dipinta**

Jenis-jenis data peribadi yang mungkin dipinta oleh TAHPS termasuklah nama, umur, no. kad pengenalan, no. pasport, alamat, jantina, tarikh lahir, maklumat-maklumat asas anak-anak, status perkahwinan, bangsa, kewarganegaraan, maklumat kewangan peribadi, tahap pendidikan anda dan ahli keluarga terdekat dan/atau apa-apa maklumat yang dikira suai dan patut dalam mengecapi tujuan yang dinyatakan dalam notis ini.

TAHPS hanya akan menyimpan dan/atau memproses data peribadi anda sekiranya anda memberi kebenaran anda kepada kami.

**Tujuan**

Kami meminta data peribadi anda untuk mencapai tujuan, tetapi tidak terhad kepada seperti berikut:-

- (a) Bagi mengedarkan perkara-perkara berkaitan notis, produk-produk jualan dan perkhidmatan yang terkini dan produk-produk akan datang;
- (b) Penyediaan/Pelaksanaan apa-apa obligasi kontrak anda dengan TAHPS.
- (c) Bagi tujuan soal-selidik pemasaran dan profil untuk mamajukan dan menambah baik produk-produk kami yang akan datang;
- (d) Semakan Latarbelakang Kewangan;
- (e) Bagi tujuan Audit / Laporan dalaman;
- (f) Kutipan daripada Penghutang/ apa-apa kutipan kewangan;
- (g) Pengedaran kepada mana-mana pemberi khidmat kemudahan yang relevan, peguamcara-peguamcara, badan pengurusan bersama, perbadanan

- pengurusan dan/atau mana-mana pemberi khidmat profesional yang berkaitan dengan transaksi anda dengan kami;
- (h) Pematuhan kepada permintaan organisasi kerajaan Persekutuan/Negeri/Tempatan (termasuklah tetapi tidak terhad kepada quasi badan kerajaan yang berdaftar di bawah undang-undang Malaysia), undang-undang, perundangan kecil, ordinan, enakmen dan/atau garis panduan-garis panduan dari semasa ke semasa;
  - (i) Serahan Hakmilik/Milkan Kosong, penyerahan kunci dan/atau lain-lain aktiviti bagi pelaksanaan jual beli hartanah kepada anda; dan/atau
  - (j) Apa-apa jua tujuan lain yang secara langsung/tidak langsung berkaitan dengan perkara-perkara di atas atau apa-apa yang dikira suai manfaat oleh TAHPS;

Kami akan menghentikan segala bentuk penyimpanan dan/atau pemprosesan data peribadi sekiranya anda memilih untuk menarik diri, berhenti melanggan, dan/atau memohon secara bertulis untuk menarik balik kebenaran yang telah diberikan kepada kami sebelum ini.

### **Kegagalan Untuk Memberi Kebenaran Kepada Kami**

Kami menasihati anda untuk tidak menarik diri, berhenti melanggan, dan/atau memohon secara bertulis memandangkan kami tidak akan bertanggungjawab terhadap risiko-risiko yang seperti berikut:-

- (a) Kegagalan kami untuk menyebarkan apa-apa produk terkini/masa hadapan yang berkemungkinan akan menjejaskan keputusan pelaburan anda;
- (b) Kerugian dan/atau kehilangan yang dituntut daripada anda akibat daripada kegagalan untuk melaksanakan secara lengkap terma-terma kontraktual di antara anda dengan kami dan/atau mana-mana pihak lain yang relevan;
- (c) Ketidapatuhan anda kepada mana-mana undang-undang, undang-undang kecil, ordinan, enakmen dan/atau garis panduan-garis panduan dari semasa ke semasa;
- (d) Ketidakupayaan kami untuk membaharui maklumat anda yang boleh menyumbang kepada apa-apa ketidaktepatan maklumat dan/atau kerugian dan/atau kehilangan akibat daripadanya; dan/atau
- (e) Apa-apa jua kerugian dan/atau kehilangan yang boleh diramalkan secara munasabah (secara langsung/tidak langsung) yang dialami oleh anda akibat daripada kegagalan anda untuk memberi kebenaran yang diperlukan kepada kami.

### **Perkongsi Data Peribadi**

TAHPS adalah berhak untuk berkongsi data peribadi di antara syarikat-syarikat dalam Kumpulan TAHPS dan/atau kepada pihak ketiga bagi tujuan penyimpanan, pemprosesan atau pemberi khidmat yang terlibat dalam penyebaran maklumat-maklumat relevan kepada anda. TAHPS akan senantiasa berusaha untuk memastikan pihak ketiga yang terlibat akan memberikan tahap perlindungan dan/atau dasar privasi yang munasabah.

### **Perlindungan Data Peribadi**

TAHPS bertekad untuk menyimpan/memproses data peribadi anda secara munasabah dan praktikal. Kami bertekad untuk mengamalkan apa-apa dasar dan/atau protokol pentadbiran dan privasi yang munasabah dalam memastikan pematuhan kami terhadap Akta Data Perlindungan Data Peribadi 2010 dengan menghalang apa-apa pemprosesan data peribadi anda secara haram dan/atau untuk memitigasikan sebarang pemprosesan/pendedahan dan/atau penyimpanan data peribadi anda secara haram.

### **Penyimpanan Data Peribadi dan Akses**

Selaku badan korporat yang bertanggungjawab, TAHPS bertekad untuk membantu anda dalam memastikan maklumat-maklumat anda adalah tepat, benar dan terkini. TAHPS tidak

akan menyimpan data peribadi anda lebih daripada jangka masa yang diperlukan kecuali dibenarkan dan/atau diwajibkan oleh undang-undang Malaysia.

Anda boleh membantu TAHPS untuk membarui dan/atau meminda data peribadi anda dengan menghantar permohonan bertulis anda kepada:-

**Pegawai Undang-Undang**  
**TAHPS Group Berhad**  
5th Floor, Bangunan Yee Seng,  
15, Jalan Raja Chulan,  
50200, Kuala Lumpur.  
[Tel: +603-2034 2366 Faks: +603 2034 2866]

Permohonan bertulis anda akan di hantar kepada kumpulan-kumpulan syarikat kami yang relevan dan kami akan membalas dalam masa yang munasabah dan/atau tidak melebihi masa yang diperuntukkan dalam Undang-Undang.

### **Penafian**

TAHPS berhak untuk membarui dan meminda notis ini dari semasa ke semasa. Apa-apa perubahan substantif akan dipaparkan di tapak domain awam dengan notis yang telah diperbaharui dan anda akan dianggap telah bersetuju kecuali membantah secara bertulis.

Dengan memberikan data peribadi dan/atau menandatangani apa-apa dokumen dengan TAHPS, anda dengan ini memberi kebenaran secara bertulis kepada TAHPS untuk memproses data peribadi dan menafikan apa-apa hak menuntut terhadap TAHPS dalam memproses dan menyimpan data peribadi anda.

\*\*\*\*\*

(Bahagian Baki Halaman Ini telah dikosongkan dengan sengaja)